
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
PEKELILING AKADEMIK BIL. 04/2016
PELAKSANAAN PROJEK SARJANA MUDA**

Dimaklumkan cabutan daripada minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik FKEE bil. 5/2015 bertarikh 21 Disember 2015 bersetuju supaya Fakulti melaksanakan beberapa perkara berikut berkaitan Projek Sarjana Muda (PSM) :-

1. Pelajar PSM1 akan membuat pembentangan cadangan projek pada minggu ke-4 secara temubual bersama Panel Penilai.
2. Semua sesi pembentangan PSM perlu dihadiri oleh dua (2) orang Panel Penilai dan seorang Penyelia. Pembentangan adalah dalam Bahasa Inggeris, tanpa mengambil kira penggunaan bahasa yang digunakan dalam laporan/tesis pelajar.
3. Pelajar boleh menulis laporan PSM/tesis dalam Bahasa Inggeris tanpa mengambil kira keputusan MUET. Penyelia adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kualiti laporan tesis yang dihasilkan oleh pelajar tersebut.
4. Bagi pelajar yang memperolehi gred A dalam PSM 2, satu sesi penilaian kualiti tesis pelajar tersebut akan diadakan. Panel sesi tersebut, yang terdiri daripada Ketua Program dan Ketua Panel Bidang, berhak untuk menentukan gred pelajar sekiranya tesis pelajar tidak mencapai kualiti yang ditetapkan. Perbincangan Panel bersama Penyelia boleh diadakan untuk memutuskan gred akhir pelajar.

Sekian untuk makluman semua staf akademik Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

"Fokus Kualiti Endah Etika"
"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar



DR. ROSLI BIN OMAR

Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

☎ 453 8301

- s.k.
- Dekan
 - Timbalan-Timbalan Dekan
 - Ketua-ketua Jabatan
 - Ketua Program BEJ & BEV
 - Pengerusi Jawatankuasa Projek Sarjana Muda (PSM)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

